From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ALUMNI UUM DEKATI GENERASI MUDA, PERKUKUH JARINGAN INDUSTRI DI ADTEC
Date: Monday, 21 September, 2026 4:31:16 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Ahmad Amsyar bin Abd Razak
Gambar oleh: Pusat Alumni

ALUMNI UUM DEKATI GENERASI MUDA, PERKUKUH JARINGAN INDUSTRI DI ADTEC TANGKAK



UUM ONLINE: Tangkak, Johor, 17 September 2026 – Pusat Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Program Pemindahan Ilmu dan Jaringan Komuniti bersama 100 orang pelajar Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) Tangkak Johor. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), YBhg. Dato' Haji Mohamad Zahri bin Hj. Samingon,alumni UUM bagi Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian (1995).

Sesi perkongsian bertajuk "*Industry Expectations: TVET Resilience*" disampaikan oleh Tn. Haji Abdul Hafidz Win, Alumni UUM bagi Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian (1993).

Beliau telah memberi pendedahan kepada pelajar mengenai jangkaan industri, daya tahan dan persediaan menghadapi alam pekerjaan. Turut hadir pasukan *SomeLab Research Group SBM UUM*, yang terdiri dari pada Prof. Madya Dr. Darwina bt. Hj. Ahmad Arshad, Prof. Madya Dr. Norzieiriani bt. Ahmad dan Dr. Muhammad Zulqarnain Arshad.



Delegasi UUM turut berkesempatan melawat bengkel pelajar serta menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara ADTEC JTM Tangkak dengan Syarikat Eurojaya Precision dan Syarikat Kyosei Sietmitsu, Melaka

Menurut Pengarah Pusat Alumni UUM, Prof. Madya Dr. Lily Julienti bt. Abu Bakar, yang juga merupakan ahli *SomeLab Research Group SBM,* program ini menjadi platform untuk perkongsian ilmu dan pengalaman alumni, di samping memperkukuh jaringan antara UUM, alumni, ADTEC JTM dan pihak industri.

Beliau juga berharap agar jaringan yang terjalin dapat diteruskan melalui kerjasama dalam bidang pemindahan ilmu, pembangunan bakat dan jaringan komuniti.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.